



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN GURU-GURU KOPERASI SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KLANG

ROSLI BIN KHALID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)



ptbupsi

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/PSP-3/B0 32  
Pind : 00 m/k 1/1

Sila tanda (\\_)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 19 (hari bulan) Februari (bulan) 2013

i. Perakuan pelajar :

Saya, Rosli bin Khalid, M20071000194, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru-Guru Koperasi Sekolah Menengah Di Daerah Klang

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



05-4506832



ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Osman bin Jusoh (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru-Guru Koperasi Sekolah Menengah Di Daerah Klang

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perdagangan) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/B0 31  
Plnd.: 00 m/s: 1/1

**SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY**  
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**  
**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**  
**DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru-Guru

Koperasi Sekolah Menengah Di Daerah Klang

No. Matrik / Matric's No.: M20071000194

Saya / I : Rosli bin Khalid

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)" ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that my Thesis/Dissertation/Project Paper is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyella / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajibanku berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.  
*Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jild keras), selepas lampiran Pengakuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatNya sehingga dapat saya menyempurnakan penulisan desertasi ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Osman bin Jusoh selaku penyelia saya di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugas ini. Kesabaran beliau dalam memberikan semangat kepada saya tidak akan saya lupakan.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada pihak UPSI, khususnya kepada kakitangan Institut Pengajian Siswazah dan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang saya menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga terima kasih kepada sahabat-sahabat saya yang telah memberikan bantuan semasa mengedarkan soal selidik ke sekolah-sekolah yang terlibat, memproses data dan sehingga selesai saya menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada ibu, bapa dan ibu mertua serta isteri dan anak-anak yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan galakkan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada kita semua.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRAK

Keusahawanan kini menjadi satu wadah yang penting dalam membangunkan modal insan di negara ini. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru-guru koperasi sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Lima dimensi kecenderungan keusahawanan telah dipilih iaitu Motivasi, Kreativiti dan Inovasi, Keyakinan Diri, Lokus Kawalan Dalaman dan Kesediaan Menghadapi Risiko. Seramai 113 responden yang terdiri daripada guru-guru koperasi terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada guru-guru koperasi yang berkenaan. Sebanyak 150 set borang soalselidik diedarkan dan 75% atau 113 responden memberikan maklumbalas. Data-data yang diperoleh daripada kaji selidik ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan *Cronbach Alpha* dan nilai yang diperolehi ialah 0.89. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kecenderungan keusahawanan guru-guru koperasi di daerah Klang berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 3.85. Daripada lima dimensi kecenderungan yang diukur, dimensi Kreativiti dan Inovatif mencatatkan skor min yang paling tinggi diikuti dengan Kesanggupan menghadapi risiko, Motivasi dan Keyakinan diri. Lokus kawalan dalaman mencatatkan skor min yang paling rendah. Sebagai cadangan, usaha-usaha perlu diterokai bagi mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan pemimpin-pemimpin koperasi di sekolah. Tumpuan boleh diberikan dari sudut meningkatkan Lokus kawalan dalaman dan Keyakinan diri oleh pihak yang melatih guru terutamanya yang memilih opsyen bidang keusahawanan.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## A STUDY OF ENTREPRENEURSHIP INCLINATION AMONG COOPERATIVE SCHOOL TEACHERS IN KLANG DISTRICT, SELANGOR

### ABSTRACT

Entrepreneurship is a crucial platform in the human capital development of the country today. The purpose of this study is to determine the level of entrepreneurial inclination among cooperative teachers in secondary schools at Klang, Selangor. Five dimensions of entrepreneurial inclination had been selected, which were Motivation, Creativity, Innovation, Self-esteem, Internal Locus of Control and Readiness at Taking Risks. A total of 113 respondents consisting of cooperative teachers were involved in the study. The study was conducted by using questionnaires, which were randomly distributed to the cooperative teachers concerned. A total of 150 sets of questionnaires were distributed and of that, 75 per cent or a total of 113 respondents had provided feedback. The data obtained from this survey were analysed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The reliability of the questionnaires was tested with Cronbach Alpha in which the value obtained was 0.89. The result showed that the level of entrepreneurial inclination among the cooperative teachers in Klang was at a high level with the min score of 3.85. Of the five dimensions of entrepreneurial inclination measured, Creative and Innovative recorded the highest min score followed by Readiness at Taking Risks, Motivation and Self-esteem. The internal locus of control recorded the lowest min score. As suggestions, efforts should be undertaken in looking for ways to increase competencies of cooperative leaders in schools. Focus could be directed at enhancing their internal locus of control and self esteem by those who in charged of training the teachers, especially those who opted to engage in the entrepreneurship field.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definisi Istilah	11
1.9.1 Kecenderungan Keusahawanan	11
1.9.2 Guru	13
1.9.3 Koperasi	14
1.9.4 Koperasi Sekolah	15
1.10 Kesimpulan	15



### BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Usahawan	16
2.3 Keusahawanan	19
2.4 Kecenderungan Keusahawanan	22
2.5 Dimensi Kecenderungan Keusahawanan	24





2.5.1	Motivasi	28
2.5.2	Kreativiti dan Inovatif	30
2.5.3	Keyakinan Diri	31
2.5.4	Lokus Kawalan Dalaman	32
2.5.5	Bersedia Menghadapi Risiko	35
2.6	Kajian Berkaitan Kecenderungan Keusahawanan	37
2.6.1	Jantina dan Kecenderungan Keusahawanan	37
2.6.2	Bangsa dan Kecenderungan Keusahawanan	39
2.6.3	Cita-cita dalam Kerjaya Responden dan Kecenderungan Keusahawanan	42
2.7	Rumusan	44

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	46
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	47
3.4	Instrumen Kajian	49
3.5	Populasi Kajian	51
3.6	Sampel Kajian	53
3.7	Pentadbiran Soal Selidik	54
3.8	Kajian Rintis	54
3.9	Tatacara Penganalisisan Data	57
3.10	Analisis Data	59
3.10.1	Kaedah Deskriptif (Min Skor, Frekuensi dan Peratusan)	60
3.10.2	Ujian-t Tidak Bersandar (t-Test)	60
3.10.3	Analisis Varian Satu Hala (ANOVA)	61

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	62
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	63
4.3	Analisis Deskriptif	65





4.3.1	Tahap Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru Koperasi Sekolah	65
4.3.1.1	Tahap Kecenderungan Keusahawanan – Tempoh Mengajar	67
4.3.1.2	Tahap Kecenderungan Keusahawana – Lama Menjadi Guru Koperasi	68
4.3.2	Dimensi Kecenderungan Keusahawanan	69
4.3.2.1	Motivasi	70
4.3.2.2	Kreativiti dan Inovasi	73
4.3.2.3	Keyakinan Diri	76
4.3.2.4	Lokus Kawalan Dalaman	79
4.3.2.5	Kesanggupan Menghadapi Risiko	81
4.3.2.6	Rumusan	84
4.4	Analisis Inferensi (Perbandingan)	87
4.5	Kesimpulan	102



## BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Perbincangan	104
5.3	Cadangan	111
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	114
5.5	Penutup	114
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	116
	<b>LAMPIRAN</b>	





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Taburan Item Mengikut Lima Dimensi Kecenderungan Keusahawanan	49
3.2	Anggaran Kekuatan Hubungan Antara Dua atau Lebih Pembolehubah	54
3.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	55
3.4	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Mengikut Dimensi Keusahawanan	56
3.5	Pengekodan Skala Pengukuran Soal Selidik	57
3.6	Jumlah Skor Untuk Tahap Kecenderungan Keusahawanan	59
4.1	Maklumat Latar Belakang Responden	62
4.2	Tahap Amalan Kecenderungan Keusahawanan	65
4.3	Analisis Tahap Kecenderungan Keusahawanan Mengikut Tempoh Mengajar	66
4.4	Analisis Tahap Kecenderungan Keusahawanan Mengikut Tempoh Menjadi Guru Koperasi	67
4.5	Taburan Responden Guru Mengikut Dimensi Keusahawanan Motivasi	70
4.6	Taburan Kesponden Guru Mengikut Dimensi Keusahawanan Kreativiti dan Inovasi	72
4.7	Taburan Responden Guru Mengikut Dimensi Keusahawanan Keyakinan Diri	75
4.8	Taburan Responden Guru Mengikut Dimensi Keusahawanan Lokus Kawalan Dalaman	78
4.9	Taburan Responden Mengikut Dimensi Keusahawanan Kesanggupan Menghadapi Risiko	80
4.10	Taburan Min dan Sisihan Piawai dan Peratus Kecenderungan Keusahawanan Mengikut Dimensi	83
4.11	Ujian t: Analisis Perbandingan Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jantina	86
4.12	Ujian t: Analisis Perbandingan Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jantina	86
4.13	Ringkasan Ujian ANOVA: Perbandingan Min Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Bangsa	88





4.14	Ujian Post Hoc Turkey: Perbezaan Min Skor Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Guru Koperasi Sekolah Mengikut Bangsa	89
4.15	Ringkasan ujian ANOVA: Perbandingan Min Dimensi Keusahawanan Dimensi Berdasarkan Bangsa	90
4.16	Ringkasan Ujian ANOVA: Perbandingan Min Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Tempoh Menjadi Guru Koperasi Sekolah	92
4.17	Ujian Post Hoc Turkey: Perbezaan Min Skor Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Guru Koperasi Sekolah Mengikut Tempoh Masa Menjadi Guru Koperasi.	92
4.18	Ringkasan Ujian ANOVA: Perbandingan Min Dimensi Keusahawanan Dimensi Berdasarkan Tempoh Masa Menjadi Guru Koperasi.	93
4.19	Ringkasan Ujian ANOVA: Perbandingan Min Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Matapelajaran Yang Diajar.	95
4.20	Ujian Post Hoc Turkey: Perbezaan Min Skor Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Kumpulan Guru Mengikut Matapelajaran Yang Di Ajar.	96
4.21	Ringkasan Ujian ANOVA: Perbandingan Min Skor Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Kumpulan Guru Mengikut Matapelajaran Yang Diajar.	97





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Lokus Kawalan	33
3.1 Carta Aliran Proses	46
3.2 Kerangka Konsep	48
3.3 Senarai Sekolah Menengah di Daerah Klang, Selangor	51
4.1 Bilangan Responden Mengikut Tahap Kecenderungan Keusahawanan	65



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI SINGKATAN

KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
MARA	Majlis Amanah Rakyat
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
PUM	Program Usahawan Muda
MeCD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ALK	Anggota Lembaga Koperasi
MKM	Maktab Kerjasama Malaysia
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
1

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop dan batasan kajian yang dijalankan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Di dalam mewujudkan dan memupuk budaya keusahawan dalam koperasi antara aspek yang penting untuk diambil perhatian ialah aspek manusia itu sendiri. Aspek ini adalah berkaitan dengan personaliti pemimpin di sesuatu organisasi. Pemimpin



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



koperasi mesti mempunyai wawasan yang jelas tentang hala tuju dan matlamat yang ingin dicapai oleh koperasi. Seterusnya, mereka mesti berusaha mencari jalan dan sedia menanggung risiko untuk mencapai wawasan tersebut. Maka para pemimpin di koperasi perlulah mempunyai “*entrepreneurial spirit*”, iaitu mengubah minda atau “*mind-set*” mereka untuk melibatkan koperasi dalam projek yang akan mendatangkan faedah kepada anggota dan koperasi secara keseluruhan.

Perkembangan yang pesat dalam bidang keusahawanan adalah sejajar dengan saranan kerajaan yang menggalakkan rakyat Malaysia tidak hanya bergantung kepada pekerjaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta semata-mata. Selain itu, kesukaran pelajar lepasan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian telah mendorong pihak kerajaan memberikan galakan dan dorongan agar



Konsep keusahawanan dalam koperasi sering dibincangkan dan diuar-uarkan oleh Anggota Lembaga dan anggota koperasi. Kebanyakan mereka tidak dapat mentafsir dengan betul konsep keusahawanan ini sehingga mampu menjelaskan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam menggerakkan koperasi. Umumnya, sumbangan gerakan koperasi begitu besar. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, gerakan koperasi telah diiktiraf sebagai sektor ketiga penyumbang kepada ekonomi negara. Ertinya, gerakan koperasi mampu meningkatkan sumbangannya jika keusahawanan ditekankan dalam aktiviti dan kegiatan sesebuah koperasi secara menyeluruh (Ismail Md. Allapichay, 2009).





Kerajaan Malaysia juga menggalakkan rakyat Malaysia terutama pelajar-pelajar lepasan universiti untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian dan tidak terlalu bergantung kepada kerja makan gaji semata-mata. Untuk merangsang minat pelajar universiti dalam bidang keusahawanan, bermula dari ambilan Julai 2007 dan seterusnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewajibkan semua pelajar yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil mata pelajaran keusahawanan sebagai satu mata pelajaran wajib (Utusan Malaysia : 2 Julai 2007). Ini adalah bertujuan untuk membuka minda para pelajar ke arah berdikari dan memberi pendedahan asas untuk menerokai setiap peluang yang ada di dalam negara dalam bidang keusahawanan.

Untuk mengelakkan lambakan graduan yang menganggur, pihak kerajaan juga



telah mencadangkan agar para siswazah menjalankan perniagaan sendiri setelah tamat pengajian tanpa menunggu pekerjaan yang sesuai datang kepada mereka. Demi menggalakkan minat para siswazah untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif seperti modal, latihan dan kursus-kursus yang berkaitan bagi mana-mana siswazah yang berhasrat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Tabung Usahawan Siswazah umpamanya menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk membolehkan siswazah mendapatkan pinjaman bagi memulakan sesuatu perniagaan (Utusan Malaysia, 18 Mei 2008).

Usaha-usaha ke arah menjadikan pelajar mendekati dan lebih cenderung terhadap keusahawanan perlu dilaksanakan bersama oleh semua pihak bagi menjadikan hasrat dan impian untuk memenuhi keperluan individu, keluarga, masyarakat dan negara serta cabaran-cabaran terkini hasil daripada pengaruh besar





globalisasi, liberalisasi dan K-ekonomi dapat dihadapi dengan mudah (Shahrin dan Norsila, 2012). Di Malaysia, bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan melalui pendidikan, selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini di antara bidang kerjaya yang diminati.

Selain pihak kerajaan, pergerakan koperasi sekolah juga telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan minat para pelajar menceburi bidang keusahawanan. Kepentingan dalam pembangunan usahawan nampaknya sesuatu yang dimestikan. Cara yang baik untuk merealisasikannya ialah dengan melatih pengurus koperasi dari peringkat awal lagi.



Semenjak tahun 1980-an, permasalahan dan bebanan terhadap guru koperasi telah dibangkitkan oleh pelbagai pihak termasuk pandangan daripada mantan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Khalid Yunus, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), pemimpin koperasi dan pengetua sekolah (Pelancar, 2004). Kebanyakan guru yang dilantik sering menimbulkan persoalan dalam diri seperti bagaimana mengendalikannya, bolehkah saya memikul bebanan ini dan adakah saya mendapat sokongan daripada guru-guru lain. Pertanyaan dan persoalan ini biasa didengari dan iaanya boleh ditangani jika ada perasaan perkongsian bersama dan pemuaafakan dalam menjalankan dan mengendalikannya.





Kajian (menunjukkan bahawa peranan guru penasihat koperasi adalah penting dalam mempengaruhi kemajuan koperasi sekolah di samping dorongan pengetua dan sokongan ahli serta warga sekolah (Termit Kaur & Siti Fasliyatoh, 2009).

Kekuatan dan kelemahan sesebuah koperasi sekolah terletak di tangan anggota, Ahli Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) serta sokongan pihak berkuasa sekolah. Ada koperasi yang dulunya begitu maju kini menghadapi pelbagai masalah dalam mengendalikan aktiviti koperasi dan begitu juga sebaliknya.

Yang penting dalam dunia koperasi sekolah ialah apakah persediaan yang perlu dilakukan dalam menghadapi pelbagai cabaran dan masalah yang akan timbul



05-45061 (Ahmad marzuki ismail, 2004). Menurut beliau lagi, cabaran yang paling ketara dan

tidak boleh dielakkan dalam menghadapi cabaran ini ialah apabila berlaku pertukaran pengetua, perubahan guru koperasi dan kemasukan pelajar baru setiap tahun. Pengetua (pengerusi) koperasi sering menggunakan budi bicaranya dalam menentukan guru yang bertanggungjawab ke atas koperasi tanpa memikirkan kadangkala guru yang dilantik tidak berniat langsung dengan kegiatan koperasi walaupun mempunyai latar belakang akademik dalam ekonomi atau perakaunan.

Usaha melahirkan usahawan yang berjaya bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia memerlukan komitmen, dedikasi, ketegasan dan amalan yang berterusan ke arah mempraktikkan keusahawanan dalam setiap urusan sehari-hari. Di Malaysia, bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan melalui pendidikan, selaras





dengan usaha untuk menjadikan bidang ini di antara bidang kerjaya yang diminati (Norsila, 2007).

Kemunculan seseorang usahawan bukan sahaja disebabkan mereka memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi atau dilahirkan sebagai seorang usahawan semata-mata. Ia juga boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang lain seperti sanggup untuk bekerja sendiri tanpa arahan, tabah menghadapi pelbagai cabaran dan sentiasa bersedia untuk mengorbankan masa dan tenaga yang ada untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Pengurusan dan pentadbiran koperasi secara umumnya banyak bergantung kepada sumbangan tenaga dan pemikiran secara sukarela oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Tradisi pengurusan secara sukarela yang diamalkan selama ini menyebabkan kekurangan tenaga profesional dan kurang kepakaran serta kemahiran dalam memeta hala tuju dan merancang aktiviti-aktiviti sesebuah koperasi.

Dalam kesibukan menjalankan tugas-tugas utama sebagai tenaga pengajar di sekolah, urusan pentadbiran koperasi kadang kala kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Hasil kajian oleh Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) pada tahun 1990 ke atas 500 buah sekolah menunjukkan bahawa antara masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan koperasi sekolah ialah guru-guru yang bertanggungjawab terhadap koperasi terlalu sibuk dengan tugas-tugas lain. Di samping, itu kajian juga mendapati guru-guru koperasi tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang koperasi dan pengurusan. Keadaan ini ditambah lagi dengan kurangnya motivasi dan





galakan yang diterima terutamanya daripada pihak pentadbir sekolah untuk memajukan koperasi sekolah.

Di sekolah khususnya, pengurus koperasi dipilih oleh pihak pentadbir sekolah dalam kalangan guru yang mempunyai latar belakang akademik yang berbeza-beza. Rata-rata guru bukanlah seorang yang berpengalaman dalam dunia perniagaan atau bidang keusahawanan. Justeru, nilai keusahawanan perlu dimiliki dan dikembangkan agar guru-guru koperasi bukan sahaja hanya berfungsi sekadar pentadbir koperasi malah juga menjadi contoh tokoh usahawan kepada pelajar-pelajar sekolah khususnya pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dengan aktiviti koperasi. Hal ini adalah kerana alam persekolahan merupakan masa yang penting bagi pelajar mengenali, mengetahui, dan mendalami pelbagai ilmu keusahawanan secara formal mahupun tidak formal.



Jatuh atau bangunnya sesebuah koperasi sekolah itu banyak bergantung kepada guru koperasi sekolah itu sendiri. Jika guru koperasi sekolah tidak mempunyai dimensi kecenderungan keusahawanan dalam diri mereka, bagaimana kelak pengurusan koperasi sekolah tersebut beroperasi dengan berkesan? Kelak ianya beroperasi “ibarat hidup segan mati tak mau”. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru koperasi sekolah dan dimensi kecenderungan keusahawanan yang paling tinggi dan paling rendah yang dimiliki oleh guru koperasi sekolah.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Untuk melihat tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru-guru koperasi sekolah.
- ii. Untuk mengkaji tahap kecenderungan berdasarkan demografi responden seperti jantina, bangsa, tempoh perkhidmatan sebagai guru dan mata pelajaran yang di ajar oleh guru tersebut.
- iii. Untuk melihat kecenderungan keusahawanan dari dimensi motivasi, kreativiti dan inovatif, keyakinan diri, lokus kawalan dalaman dan kesediaan menghadapi risiko.



## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian yang dijalankan ialah:

- a) Apakah tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru koperasi sekolah di daerah Klang, Selangor?
- b) Sejauh manakah faktor jantina guru, bangsa, tempoh perkhidmatan sebagai guru dan mata pelajaran yang di ajar mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru koperasi sekolah?
- c) Apakah dimensi kecenderungan keusahawanan yang paling tinggi dan paling rendah yang dimiliki oleh guru koperasi sekolah?





## 1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah dibentuk bagi kajian ini untuk melihat tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan guru koperasi sekolah:-

$H_{o1}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor dimensi kecenderungan keusahawanan berdasarkan jantina.

$H_{o2}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor dimensi kecenderungan keusahawanan berdasarkan bangsa.

$H_{o3}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor dimensi kecenderungan keusahawanan berdasarkan tempoh berkhidmat sebagai guru koperasi.

$H_{o4}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor dimensi kecenderungan keusahawanan berdasarkan matapelajaran yang diajar.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pendedahan kepada guru berkaitan dunia keusahawanan amat penting dalam membantu guru memindahkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan keusahawanan dalam proses pengajaran. Oleh itu adalah menjadi harapan agar kajian ini boleh memberi sedikit panduan dan maklumat untuk menilai kesediaan guru





terhadap bidang keusahawanan dan calon guru yang paling sesuai dipilih untuk mengajar keusahawanan. Di antara kepentingan kajian ini adalah:-

- i. Membantu pihak pentadbir mengenali ciri-ciri guru koperasi yang sesuai memimpin dalam bidang keusahawanan.
- ii. Memberi kesedaran dan perubahan sikap yang positif terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan.
- iii. Membantu guru mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam keusahawanan.
- iv. Membantu pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap pendidikan keusahawanan di masa akan datang.
- v. Meningkatkan lagi usaha-usaha pembudayaan keusahawanan dalam kalangan



guru-guru koperasi sekolah dengan memperkuat dan mempelbagaikan aktiviti yang menjurus kepada pemupukan dan sikap yang positif terhadap keusahawanan.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut batasan-batasan tertentu seperti:

- a) Kajian ini dijalankan ke atas koperasi-koperasi Sekolah Menengah yang berada di dalam daerah Klang, Selangor sahaja.





- b) Responden yang dipilih adalah dalam kalangan guru koperasi sekolah menengah yang berada di dalam Daerah Klang yang memegang jawatan ALK, JAD dan juga pengurus-pengurus Koperasi.
- c) Aspek kajian yang dipilih adalah terbatas kepada lima dimensi kecenderungan keusahawanan iaitu Motivasi, Kreativiti dan Inovasi, Keyakinan diri, Lokus Kawalan Dalaman dan Kesediaan Menghadapi Risiko. Kelima-lima dimensi ini adalah sebahagian daripada dimensi yang sering diperbincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

## 1.9 Definisi Istilah



### 1.9.1 Kecenderungan Keusahawanan

Pembolehubah bersandar bagi kajian yang dijalankan adalah kecenderungan keusahawanan. Kecenderungan keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu hasil keusahawanan (Hisrich, Peters dan Shephard, 2008).

Kecenderungan terhadap keusahawanan juga ada kaitan dengan sikap individu berkenaan terhadap risiko dan berdikari. Seseorang yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi akan mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap risiko dan berdikari (Douglas dan Shepherd, 2002).





Dalam kajian keusahawanan, terdapat pelbagai konsep yang dikaitkan seperti sikap (Doughlas dan Shepherd, 2002), kecenderungan (Bird dan Jelinek, 1988; Stephens dan Auken, 2006), motivasi (Segal, Borgia dan Schoenfeld, 2005) dan sebagainya. Kecenderungan keusahawanan dikaji kerana ia mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan.

Menurut Bird dan Jelinek (1988), kecenderungan keusahawanan dilihat sebagai hubungan di antara usahawan sebagai individu dan bagaimana sesuatu usaha itu dirangka. Sebagai contoh, jika seseorang individu itu telah mempunyai keinginan untuk menjadi usahawan, mereka pastinya mempunyai niat atau rancangan tentang jenis perniagaan yang bakal diusahakan, bagaimana cara untuk mendapatkan modal dan lain-lain yang berkaitan dengan perniagaan yang ingin dijalankan. Walaupun ia masih hanya dianggap sebagai niat, tetapi ia berlaku disebabkan oleh kecenderungan keusahawanan yang sedia ada dalam diri seseorang itu.

Kecenderungan terhadap keusahawanan juga berkaitan dengan sikap individu berkenaan terhadap risiko dan berdikari. Seseorang yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi akan mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap risiko dan lebih berdikari (Douglas dan Shepherd, 2002). Dengan lain perkataan, menurut keputusan yang didapati dari kajian ini, mereka yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap risiko di samping mereka lebih berdikari dalam tingkah laku mereka.

Kecenderungan keusahawanan adalah penting dalam menentukan sama ada seseorang itu berminat terhadap bidang perniagaan. Kecenderungan adalah condongan





bakat dan minat untuk melakukan sesuatu yang diingini serta membantu kepada pemupukan sikap dan sifat sesuatu kerjaya. Kecenderungan keusahawanan dapat dibentuk menerusi proses pendidikan dan latihan yang sistematik (Zaidatol Akmaliah & Habibah 1997; Kent 1980; Ahmad 1976).

Pendekatan kajian ini terhadap kecenderungan keusahawanan memfokuskan kepada lima dimensi iaitu Motivasi, Kreativiti dan Inovasi, Keyakinan Diri, Lokus Kawalan Dalaman dan Kesediaan Menghadapi Risiko yang merupakan sebahagian daripada sifat-sifat dan ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi usahawan yang berjaya.



Guru yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah guru-guru yang menjadi Ahli Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan guru-guru yang menjadi pengurus koperasi sekolah, atau dengan kata lain guru-guru yang terlibat secara langsung dengan koperasi sekolah yang beroperasi di dalam daerah Klang, Selangor.

### **1.9.3 Koperasi**

Dalam satu definisi rasmi yang diterima oleh seluruh koperasi dunia yang telah diputuskan di Manchester, United Kingdom pada 24 September 1995 menyatakan:





*“Sebuah koperasi adalah pertubuhan manusia yang berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di bidang ekonomi, sosial dan budaya, melalui suatu badan yang dimiliki bersama dan terkawal secara demokrasi.”*

Menurut Kamus Dewan (1993) koperasi bermaksud kerjasama. Hambali (1997) pada mentakrifkan koperasi sebagai pertubuhan manusia yang dengan sukarela bermuafakat untuk menghasilkan tujuan bersama menerusi penubuhan badan perniagaan yang dikawal secara demokrasi, membuat sumbangan yang saksama terhadap modal yang diperlukan dan menerima kadar munasabah bagi risiko dan faedah dalam perniagaan yang ahli-ahlinya mengambil bahagian secara aktif.

Hutchinson pula mendefinisikan koperasi sebagai sebuah institusi yang berkait rapat dengan rakyat dan ia harus memberikan penekanan yang lebih kepada pembangunan jiwa rakyat (W.M. Cik, 1990). United States Department of Agriculture (USDA) mendefinisikan koperasi sebagai perniagaan “*user-owned*” dan “*user-controlled*” yang mengagihkan manfaat berdasarkan kepenggunaan (Wilson, 2007).

Fairbairn, Bold, Fulton, Ketilson dan Ish (1995) melihat koperasi sebagai sebuah persatuan individu yang menggabungkan sumber modal dan buruh untuk mendapatkan faedah yang lebih besar atau lebih berfaedah berbanding jika perniagaan itu dijalankan secara berseorangan.

#### 1.9.4 Koperasi Sekolah

Koperasi sekolah adalah koperasi yang ditubuhkan di sekolah. Ia dikendalikan oleh pelajar-pelajar sekolah di bawah bimbingan guru-guru koperasi yang dilantik oleh





pihak pentadbir sekolah. Penubuhan koperasi di sekolah-sekolah bertujuan untuk melatih pelajar tentang konsep kerjasama selain membekalkan alat-alat kelengkapan sekolah (Zainal Abidin, 1997).

### 1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab ini secara umumnya membincangkan latarbelakang dan perkembangan koperasi di peringkat antarabangsa, Malaysia dan seterusnya di peringkat sekolah yang akan menjadi topik perbincangan utama dalam kajian ini. Tiga persoalan kajian dan empat hipotesis telah dibina dalam bab ini. Di samping itu beberapa definisi istilah-istilah utama telah dikemukakan untuk memperjelaskan lagi



maksud kajian ini. Bab yang seterusnya akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan konsep keusahawanan.

